



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**24 FEBRUARI 2021 (RABU)**



---

---

**KERATAN AKHIBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**24 FEBRUARI 2021 (RABU)**

## Peniaga wanita dikompaun gara-gara mahu untung RM1.90



Anggota KPDNHEP Pasir Mas memeriksa tong LPG di sebuah kedai runcit yang menjual melebihi harga kawalan di Jalan Rantau Panjang.

**PASIR MAS** - Gara-gara ingin untung lebih sebanyak RM1.90 bagi setiap jualan, seorang peniaga kedai runcit dikenakan kompaun selepas didapati menjual gas petroleum cecair (LPG) melebihi harga kawalan pada Selasa.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pasir Mas, Suhaimi Abas berkata, perbuatan yang dilakukan peniaga wanita berusia 51 tahun tersebut terbongkar susulan pemeriksaan KPDNHEP di premisnya di Jalan Rantau Panjang di

sini.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan, kita dapat seorang peniaga kedai runcit di sini melakukan kesalahan dengan menjual LPG melebihi harga ditetapkan kerajaan.

"Harga runcit LPG adalah RM26.60 bagi silinder 14 kilogram (kg) tetapi dia menjualnya dengan harga RM28.50," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, peniaga tersebut dikenakan kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Beliau berkata, KPDNHEP Pasir Mas menjalankan sebanyak 2,046 pemeriksaan ke atas premis perniagaan untuk tahun ini.

Suhaimi berkata, sebanyak 32 kes direkodkan melibatkan pelbagai kesalahan yang dikuasakan oleh kementerian tersebut.

"KPDNHEP Pasir Mas sentiasa memandang serius berhubung harga jualan barang kawalan. Kami memberi amaran agar peniaga sentiasa menjual barang kawalan dengan harga ditetapkan oleh pihak kerajaan," katanya.

**Kuala Lumpur:** Mereka mampu mengaut keuntungan sehingga mencecah jutaan ringgit hasil aktiviti membekal aksesori telefon dan peralatan elektronik berjenama disyaki tiruan di seluruh negara.

Kegiatan dua lelaki yang bertindak sebagai pembekal barang tiruan itu terbongkar hasil serbuan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur di empat premis di Pudu di sini, semalam.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, menerusi serbuan jam pada 12 tengah hari itu, pihaknya merampas 210,000 unit aksesori telefon dan peralatan elektronik membabitkan jumlah rampasan RM5.27 juta.

Beliau berkata, ia rampasan terbesar dihasilkan pihaknya pada tahun ini.

"Serbuan menerusi operasi berpadu barang tiruan itu dilakukan pegawai KPDNHEP bersama wakil pemilik cap dagang selepas melakukan risikan selama tiga minggu bermula daripada maklumat penjualan secara dalam talian.

"Hasil pemeriksaan mendapati sebuah premis dijadikan kedai jualan secara borong manakala tiga premis lagi dijadikan tempat penyimpanan barang disyaki tiruan terdiri daripada aksesori telefon dan peralatan elektronik berjenama.



ARIFFIN melihat barang yang dirampas pihaknya, semalam.

## **RM5.27 juta barang elektronik tiruan dirampas**

"Pemilik premis didapati menjual barang itu secara dalam talian dan secara borong dengan pembelian minimum RM500. Pemilik turut mengedarkan barang itu ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ariffin berkata, dua pemilik premis dan tiga pekerja termasuk dua wanita warga asing berusia 20-an ditahan untuk diambil ke-

terangan sebelum dibebaskan.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM15,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu dan bagi kesalahan kali kedua denda sehingga RM30,000.

"Jika bukan pertubuhan, boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap barang

diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua boleh denda RM20,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sejak awal tahun ini, KPDNHEP Kuala Lumpur menghasilkan sebanyak lapan kes mengikut Akta Cap Dagangan 2019 dengan nilai rampasan RM5.5 juta.

# Industri kreatif rugi RM3 billion

Angka jenayah cetak rompak berleluasa di Malaysia

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM



YUSUF HASLAM



LAILA



ZAHRIN

Industri media dan hiburan Malaysia dianggar kerugian sebanyak RM3 billion akibat jenayah cetak rompak.

Penggiat industri media dan hiburan Malaysia dalam satu kenyataan pada Selasa memaklumkan, perbuatan tersebut juga mengakibatkan kehilangan RM500 juta cukai pendapatan dan ribuan individu kehilangan pekerjaan.

Dalam kenyataan sama, penggiat industri menyifatkan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah cetak rompak digital adalah tidak setimpal.

Penerbit dan Pengarah Filem, Datuk Yusof Haslam berkata, perbuatan mencuri itu bukan perkara baharu dan perlu diatasi sebaik mungkin oleh pihak berkuasa.

"Tanpa usaha dan keazaman daripada pihak berwajib, kegiatan cetak rompak digital akan terus berlaku.

"Tanpa undang-undang yang tegas, cetak rompak akan berterusan dan merebak seperti barah kepada industri kreatif negara dan penggiatnya," katanya dalam kenyataan tersebut.

Pada 8 Februari lalu, sebuah syarikat teknologi maklumat di Shah Alam adalah syarikat pertama didakwa di mahkamah kerana melanggar Seksyen 41(1) Akta Hak Cipta 1987 kerana menjual teknologi atau alat bagi maksud merintas langkah perlindungan teknologi yang disebut dalam Subseksyen 36A(3) akta yang sama.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ke-



Penggiat industri media dan hiburan menyifatkan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah cetak rompak digital di negara ini adalah tidak setimpal.

menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Pengarah syarikat tersebut mengaku bersalah dan sedang menunggu hukuman di mahkamah pada 1 Mac ini.

Dalam pada itu, Pengarah Kawal Selia Astro, Laila Saat berkata, cetak rompak pada hari ini dilihat seakan-akan menjadi kebiasaan sehingga ramai yang terleka dan terlupa bahawa ia merupakan sebahagian daripada perbuatan mencuri.

Menurutnya, tindakan tersebut melibatkan pencurian hasil kerja setiap mereka yang terlibat dalam ekosistem kreatif tersebut daripada pelakon, penulis, penerbit, pengarah dan jurugambar yang secara langsung menghasilkan sebarang pembangunan.

Tambahnya, jika tiada tindakan dilakukan ia akan membantunkan segala usaha yang dilaksanakan industri hiburan.

Pada masa sama, Setiausaha Kehormat Persatuan Penerbit Filem (PFM), Zahrin Aris berkata, penalti yang dikenakan ke atas mereka yang menggunakan kotak media mengandungi kandungan yang tidak mendapat kebenaran sah hak cipta disifatkan agak ringan.

"Hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada mereka kerana nilai kerugian yang perlu ditanggung oleh tindakan cetak rompak ini sudah tentu lebih tinggi daripada hukuman denda yang hanya RM30,000," kata beliau.

Selain itu, Presiden Persatu-



ZED ZAIDI



SWEE KIM

an Seniman Malaysia (Seniman), Zed Zaidi berkata, hukuman yang dikenakan baru-baru ini bakal dijadikan penanda aras seterusnya memberi keadilan kepada pemain industri kreatif tempatan khususnya.

Pada masa sama, Ketua Pegawai Pemasaran Star Media Group, Lam Swee Kim berkata, hukuman tersebut perlu setimpal bagi mencerminkan impak buruk yang berlaku kepada penggiat industri.

Penggiat industri merayu kepada kerajaan untuk melakukan kajian semula ke atas undang-undang sedia ada agar memberi perlindungan yang menyeluruh kepada pemilik hak cipta yang merangkumi setiap kerja kreatif yang diusahakan.

**Kuala Lumpur:** Penggiat industri kandungan tempatan menyambut baik tindakan terbaru pihak berwajib dalam memerangi isu cetak rompak digital di negara ini dan mahu hukuman lebih berat dikenakan terhadap 'perompak' terabit.

Pesalah-pesalah terabit mengakibatkan kerugian ekonomi berterusan jika tidak dibendung dan

## Sokong hukuman berat bagi pesalah cetak rompak

impaknya menjasaskan penggiat industri dan seluruh ekosistem negara.

Kerugian tahunan disebabkan jenayah itu dianggarkan sebanyak RM5 billion kepada industri media dan hiburan.

Justeru, penggiat industri merayu kepada kerajaan untuk melakukan kajian

semula ke atas undang-undang sedia ada kerana ia tidak memberi perlindungan menyeluruh kepada pemilii hak cipta yang merangkumi setiap kerja-kerja kreatif diusahakan.

Penerbit dan pengarah terkenal, Datuk Yusof Haslam berkata, tanpa usaha dan keazaman pihak

berwajib, kegiatan cetak rompak digital akan terus berlaku.

Menurutnya, jenayah itu bukan perkara baharu dan perlu diatas sebaik mungkin oleh pihak berkuasa.

"Saya kesal melihat retorik kosong tanpa membawa sebarang penyelesaian kepada isu

sebenar. Tanpa undang-undang yang tegas, cetak rompak akan berterusan dan merebak seperti barah kepada industri kreatif negara dan penggiatnya," katanya.

Setiausaha Kehormat Persatuan Penerbit Filem (PPFM), Zahirin Aris berkata, penalti dikenakan ke atas mereka yang menggunakan

kotak media mengandungi kandungan tidak mendapat kebenaran sah hak cipta dilihat agak ringan.

"Hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada mereka. Nilai kerugian yang perlu ditanggung akibat cetak rompak ini sudah tentu lebih tinggi berbanding hukuman denda dikenakan hanya RM30,000," katanya.

## 'Review law on digital piracy'

### Content providers urge rethink over RM3bil annual losses

By RASHVINJEET S. BEDI  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** A thorough review of existing regulations against acts of digital piracy is needed as it is costing an estimated RM3bil in annual losses to the entertainment and media industry.

Malaysian content industry players have said the current penalty for committing acts of digital piracy does not commensurate with the huge economic losses suffered by content providers.

They said annual losses due to digital piracy are estimated at RM3bil to the entertainment and media industry, RM500mil in taxes and it puts thousands of jobs at risk.

While they laud authorities for recent action against digital piracy in Malaysia, they appeal to the government to carry out a thorough review of existing regulations.

They claim current regulations do not fully enforce, convict, deter infringements; nor does it provide copyright holders with sufficient protection for their creative works

against digital piracy.

"Eradication of digital piracy to ensure only responsible content is streamed requires collaborative efforts of all parties from content providers, broadcasters, regulators, authorities and consumers, to telcos, internet service and e-commerce providers."

"In particular, there is an urgent need to address key enablers of digital piracy such as ineffective blocking of illegal streaming sites over the Internet and ISDs being openly sold on e-commerce platforms," they said in a statement yesterday.

Renowned producer and director Datuk Yusof Haslam said that without resolve from the relevant authorities, digital piracy would not be curbed.

"This act of theft is not new and has to be resolved by the authorities. I regret to see empty rhetoric without a real solution to the problem. Without stricter regulations, piracy will continue to be a cancer to the creative industry and its talents," he said in the statement.

On Feb 8, an IT company in Shah

Alam was the first company to be charged in court under the Copyright Act 1967 for selling technology or equipment for the purpose of the circumvention of technological protection measures.

The director of the company has pleaded guilty and is awaiting sentencing on March 1.

On Feb 16, a 46-year-old woman pleaded guilty to a charge of possessing six TV media boxes that allowed illegal streaming of Astro's content via the internet.

She was fined RM30,000 under Section 232(2) of the Communications and Multimedia Act 1998, making her the first illicit streaming device (ISD) seller to be charged under this provision.

Astro regulatory director Laila Saat said they welcomed recent charges against sellers of Illicit Streaming Devices (ISD) and will continue to work with authorities and content partners to send a strong message that content piracy is theft, illegal and punishable by law.

"Piracy has become so pervasive that many have forgotten it is theft.

"Piracy is the biggest scourge of the industry, stealing from every single person in the creative ecosystem from actors, writers, producers, directors and cameramen, thus hampering development.

"If piracy is left unchecked, it will retard the entertainment industry as it doesn't make economic sense for anyone to create or invest in premium content like rights to the 'Fifa World Cup', only to have them stolen and used illegally," she said.


Zahirin Aris, honorary secretary of Persatuan Penerbit Filem (PFM), said the penalty for those who use media boxes loaded with unauthorised apps is too light as the value of content being pirated was definitely higher than the fine of only RM30,000.

"The penalty imposed should reflect how severe the act of piracy impacts the industry and the act of fuelling piracy, in terms of monetisation or remuneration should also be monitored and penalised," said chief marketing officer in the product division of Star Media Group Lam Swee Kim.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU  
TARIKH : 24/2/2021  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM5.99	Telur Gred A	RM9.60	Gula Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM7.99
Daging Lembu Tempatan	RM34	Ikan Kembung	RM8.99	Bawang Besar Holland	RM2.99	Kubis Tempatan	RM2.90
Daging Lembu Import	RM21	Minyak Masak	RM5.40	Bawang Putih	RM2.99	Tepung Gandung	RM2.15

\*Harga (RM/kg) Sumber- KPDNHEP